

ISU-ISU REMAJA SUKA MELEPAK (Part 15)

Azizi Hj Yahaya

Perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa semua pihak bermula daripada institusi keluarga hingga kepada pihak kerajaan perlu bersama-sama memainkan peranan dalam usaha untuk membanteras masalah lepak sebelum masalah ini mencapai tahap yang lebih serius. Kealpaan pihak keluarga dalam memberikan perhatian serta kasih sayang kepada anak-anak mereka menjadi punca utama kepada remaja untuk mencari jalan keluar daripada dibelenggu rasa bosan yang menguasai mereka bersama rakan-rakan sebaya dengan menghabiskan masa di luar rumah. Bahkan ada pendapat daripada remaja ini bahawa mereka memerlukan kualiti masa dan bukannya kuantiti masa bersama keluarga. Tidak wajar bagi ibu bapa yang menjadikan kerjaya sebagai alasan untuk mereka mengabaikan masa untuk bersama anak-anak mereka. Kasih sayang dan didikan agama yang mencukupi amat penting sebagai medium utama dalam proses membentuk sahsiah remaja.

Sistem pendidikan di sekolah juga amat penting dalam usaha membina disiplin pelajar sekolah. Hal ini kerana majoriti remaja adalah didalam lingkungan pelajar sekolah. Kekuatan daripada aspek disiplin serta pemantauan yang ketat daripada pihak guru sangat membantu golongan remaja membentuk sikap yang bermoral. Kini guru disiplin diberikan kuasa polis untuk menjaga keselamatan pelajar sekolah seharusnya dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Namun, tanggungjawab yang berat ini bukan sahaja terletak di bahu guru disiplin dan guru agama mahupun guru pendidikan moral sahaja, bahkan ianya turut dipikul bersama oleh semua guru. Hal ini kerana golongan guru dianggap sebagai *role-model* kepada pelajar sekolah.

Selain itu, peranan pihak polis serta kerjasama daripada masyarakat sememangnya amat penting dalam menangani masalah ini. Masyarakat yang bertanggungjawab tidak akan selesa dengan melihat telatah golongan remaja khususnya pelajar sekolah melepak dan membuang masa di tempat-tempat awam. Dengan tindakan melaporkan kepada pihak polis tentang kegiatan pelajar sekolah yang suka melepak pada waktu persekolahan serta diikuti dengan hukuman yang sewajarnya daripada pihak polis akan membantu mengurangkan gejala ini. Bahkan, bukan sahaja dapat membasmi masalah melepak malah usaha ini juga dapat mengurangkan masalah-masalah sosial yang lain seperti ponteng sekolah, merompak serta penyalahgunaan dadah.

CONTINUE...